

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.4()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 5 TAHUN 2023**

Tarikh : 24 Mei 2023 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi – 11.45 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2
Bangunan MBSJ
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN MEI 2023

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Mei 2023 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang pertama dipengerusikan oleh beliau. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi beberapa amanat yang telah disampaikan oleh Pemimpin Malaysia. Amanat pertama daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang telah berkenan merasmikan Sambutan Minggu Perpaduan 2023 Peringkat Kebangsaan pada 21 Mei 2023 (Ahad) di Kuching Waterfront, Sarawak.

Baginda bertitah agar semua rakyat Malaysia menjadikan nilai perpaduan sebagai aset utama negara demi masa depan. Selain itu, perpaduan harus bermula dari rumah dan rakyat juga harus mengurangkan perbezaan antara sesama rakyat Malaysia serta rapatkan jurang perbezaan kaum, agama dan bangsa.

Selari dengan titah tersebut, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengambil pendekatan menghasilkan Kerangka Madani berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaian (*Unity in Diversity*).

Terdapat tiga kluster program di bawah kerangka ini iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.

- ii) Seterusnya amanat daripada YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia berkenaan ucapan dalam perjumpaan bersama warga kerja bagi bulan Mei pada 15 Mei 2023 di Dewan De' Seri Endon Puspanitapuri, Putrajaya.

Perdana Menteri mengingatkan supaya penjawat awam perlu memupuk semangat berpasukan, tadbir urus serta imej baik bagi menjamin masa depan Malaysia yang lebih cerah.

Beliau turut memaklumkan bahawa Kerajaan sedang mempersiapkan kajian semula separuh penggal bagi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) dan meminta hal-hal kemudahan asas seperti jalan berlubang dan berlopak di sesetengah bandar perlu diselesaikan dengan segera dan berhemah.

Dalam mengatasi hal berkaitan kemudahan asas, penjawat awam perlu berganjak sedikit daripada perencanaan atau penggubalan dasar serta berfikir secara di luar kotak.

MBSJ menyambut baik saranan tersebut dan menetapkan pelaksanaan kerja akan dibuat secara konsisten dan mendahului aduan atau permasalahan rakyat demi kesejahteraan bersama.

- iii) Datuk Bandar juga turut berkongsi amanat daripada Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari yang disampaikan semasa Jamuan Mahabbah Ulama-Umara pada 21 Mei 2023 bertempat di Hotel Concorde Shah Alam.

Program Muzakarah Ulama dan Umara telah dihadiri oleh 450 tetamu terdiri daripada pemimpin Kerajaan Negeri, guru agama pondok dari seluruh negara dan undangan khas adalah bekas Mufti Besar Mesir, Al-Imam al-Allamah Profesor Dr. Ali Jum'ah. Program sebegini disusun bagi menyuntik roh dan semangat dalam melahirkan kepimpinan yang baik serta menghalang mudarat awam.

Dalam majlis tersebut YAB Menteri Besar menegaskan bahawa tanggungjawab dan tugas seorang pemimpin bukan hanya memelihara agama tetapi juga harus menjadi maslahat dalam kehidupan kemanusiaan. Pemimpin perlu sentiasa berada di landasan yang betul dan sedar tentang tanggungjawab dan keutamaan menjaga kepentingan awam.

- iv) Datuk Bandar turut memberikan amanat dan harapan beliau serta mengucapkan syukur dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah memberi peluang dan ruang untuk beliau berkhidmat di Majlis Bandaraya Subang Jaya. Beliau berharap agar dapat menelusuri hari-hari yang mendatang dengan

kerjasama semua pihak demi mencapai agenda perjuangan dalam membangunkan MBSJ.

Datuk Bandar amat menekankan budaya kerja yang harmoni agar dapat memberikan persefahaman, kesepakatan, keselesaan dalam bekerja sekaligus mengeratkan hubungan silaturahim yang baik. Budaya keharmonian dalam bekerja akan memberikan impak besar dalam penghasilan kerja yang lebih produktif dan berkualiti. Di samping itu, warga kerja dan Jabatan diseru untuk mengeratkan ikatan kekeluargaan, saling hormat-menghormati antara satu sama lain di samping mengamalkan musyawarah yang baik dalam menyelesaikan permasalahan. Warga kerja juga diingatkan untuk bekerja dalam satu pasukan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat sekaligus memenuhi ekspektasi penduduk yang tinggi terhadap MBSJ.

Selain itu, MBSJ akan meletakkan keutamaan terhadap pengurusan aduan Majlis. MBSJ akan berusaha mendahului aduan atau permasalahan rakyat sebelum sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku. Warga kerja MBSJ akan bertindak lebih proaktif dengan menjadi mata dan telinga kepada Majlis serta menitikberatkan kesiapsiagaan dan kesegeraan dalam setiap tindakan atau arahan yang diberikan demi kesejahteraan rakyat. Segala permasalahan yang dilihat di kawasan Majlis akan disalurkan terus ke Jabatan berkaitan untuk diselesaikan. Era

zaman teknologi masa kini merupakan era yang bergerak pantas maka Majlis perlu bertindak dengan lebih cekap dan pantas.

MBSJ juga mengamalkan dan menerapkan integriti yang tinggi pada setiap masa dalam aspek amalan nilai-nilai murni, mengelakkan salah guna kuasa dan tingkah laku yang boleh menimbulkan ketidakpuasan hati. Warga kerja sentiasa diingatkan supaya berhati-hati dalam setiap tindakan yang diambil dan mengamalkan etika kerja yang betul pada setiap masa. Sebarang salah laku warga kerja akan dipandang serius dan diambil tindakan sewajarnya.

- v) Seterusnya pemakluman berkenaan fenomena El Nino yang melanda negara. Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) meramalkan negara akan berdepan El Nino selama lima bulan bermula April dan dijangka berlarutan hingga September. Fenomena ini akan menyebabkan hujan berkurangan, sekali gus berisiko mengakibatkan paras air sungai merosot dan empangan menjadi kering.

YAB Menteri Besar Selangor memaklumkan situasi semasa sumber air Negeri Selangor di 7 empangan Negeri Selangor adalah pada tahap 95% dan dijangka mampu menampung bekalan air mentah selama 4 bulan sekiranya tiada hujan. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri turut mengenalpasti kolam di kawasan Negeri

Selangor sebagai alternatif sekiranya empangan tidak dapat menampung keperluan air mentah.

Penduduk di kawasan pentadbiran Subang Jaya dinasihatkan supaya menggunakan bekalan air secara berhemah serta mengelakkan diri berada di tempat yang terdedah dengan cuaca panas serta mengurangkan aktiviti beriadah bagi mengelakkan masalah strok haba.

- vi) Seterusnya, MBSJ akan melaksanakan Program Selamat Pagi Subang Jaya - Hari Tanpa Kenderaan pada 4 Jun 2023 (Ahad) bertempat di Jalan SS 16/1 berhadapan dengan Aeon Big Subang Jaya dan Subang Parade. Program ini diadakan pada setiap hari Ahad minggu pertama setiap bulan dan merupakan edisi yang ke-10 bermula daripada bulan Ogos tahun 2022.

Pada edisi kali ini, beberapa aktiviti tambahan akan berlangsung bagi menarik ramai pengunjung menyertai program, antaranya Pertandingan *Endurance Race* (Basikal), *Streetball*, *Obstacle Race* Pertandingan *Push Bike (Run Bike)*, Pertandingan Karaoke, Kejohanan *Street Soccer*, *Tik Tok Contest*, *Insta Contest* dan pelbagai lagi aktiviti riadah akan dijalankan. Selain daripada itu, aktiviti larian santai, berjalan santai, berbasikal santai, Pesta Sarapan, *Foodtruck*, *Car Boot Sale*, pemeriksaan kesihatan percuma, aktiviti memanah, bekam, *abseiling*, *rope repelling* serta cabutan bertuah akan diadakan seperti biasa.

- vii) Datuk Bandar turut berkongsi kejayaan pasukan futsal MAKSAK Selangor yang dibarisi oleh pemain-pemain dan pegawai pasukan MBSJ dalam kejohanan futsal MAKSAK Kebangsaan pada 18 hingga 21 Mei 2023.

Kategori lelaki pasukan MAKSAK Selangor telah berjaya merangkul kejuaraan buat kali ke-6 berturut-turut menewaskan pasukan MAKSAK Terengganu manakala bagi kategori wanita pula pasukan MAKSAK Selangor meraih Naib Johan setelah tewas kepada pasukan MAKSAK Sabah dengan jaringan penalti 5-6 setelah seri 2 sama pada perlawanan sepenuh masa.

MBSJ mengucapkan syabas dan tahniah kepada pasukan futsal MAKSAK dan pegawai yang terlibat.

- viii) Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Pada Minggu Epid 20 iaitu antara 14 Mei 2023 hingga 20 Mei 2023, terdapat sebanyak 2,945 kes positif demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ berbanding dengan 1,653 kes dalam tempoh sama pada tahun 2022 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 1,292 kes. Terdapat 12 lokaliti hotspot denggi di kawasan pentadbiran MBSJ dengan 8 lokaliti adalah di kawasan kediaman bertingkat.

Tindakan pengwasapan (*fogging*) tidak dapat menyelesaikan masalah ini kerana ia hanya membunuh nyamuk sahaja.

Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan kediaman bertingkat dan masyarakat diminta untuk terus memastikan kawasan dan persekitaran premis masing-masing bersih dan bebas daripada tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu sekali mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan.

Masyarakat juga dinasihatkan untuk membuat semburan aerosol di dalam premis dan menggunakan repellan apabila keluar terutama mereka yang tinggal di kawasan wabak denggi.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 4/2023

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.4/2023 bertarikh 18 April 2023 (Selasa) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 4/2023

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.4/2023 bertarikh 18 April 2023 (Selasa) disahkan dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.6 & m/s 3	Encik Yap Kok Weng	Kertas Cadangan	Beliau mencadangkan supaya Majlis mencari penyelesaian

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			Pengurusan Sisa Perdagangan di Kawasan Komersial MBSJ	terhadap permasalahan yang dihadapi oleh pemilik premis perniagaan di kawasan komersial yang menghasilkan sampah berskala kecil . Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat meminta cadangan ini dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa akan datang. Tindakan: Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 4/2023 bertarikh 10 Mei 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
2.	Para 5.7.3 & m/s 19	Encik Yap Kok Weng	Street Dance Floor	<p>Beliau mencadangkan Majlis Pelancaran dan Penyerahan Street Dance Floor dapat dilaksanakan dalam bulan Jun 2023.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan yang diutarakan dan meminta Jabatan membuat persediaan untuk program pelancaran tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan: Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</p>
3.	Para 5.7.4 & m/s 19	Encik Yap Kok Weng	Kecurian di Balai Kabin Taman Rekreasi Wawasan MPP 16	<p>Beliau memohon kerjasama MBSJ untuk mempertimbangkan permohonan gantian yang disebabkan kecurian tersebut dan memikirkan kaedah penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah kecurian.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta supaya perkara ini dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa akan datang.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan: Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>
4.	-	Encik Yap Kok Weng	Hal-Hal Lain	<p>Beliau memaklumkan bahawa maklum balas berkaitan cadangan pembinaan persimpangan bertingkat yang akan menghubungkan Puchong Jaya dan Bukit Tandan tidak dicatatkan dalam minit mesyuarat. Beliau meminta pindaan minit dibuat dengan memasukkan perkara berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) perlu mengemukakan ulasan berkenaan cadangan pembinaan tersebut. ii) Cadangan supaya Majlis

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>memohon pinjaman daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi masalah kekurangan dana untuk pembinaan.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta urus setia Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam MBSJ membuat pindaan terhadap minit mesyuarat tersebut.</p> <p>Tindakan: Jabatan Kejuruteraan</p>

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 4/2023 bertarikh 10 Mei 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 1.4 & m/s 2	Encik Yap Kok Weng	Kursus CPR	<p>Beliau mencadangkan supaya wakil daripada Majlis Perwakilan Penduduk turut dilibatkan menyertai kursus CPR.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan meminta supaya wakil Majlis Perwakilan Penduduk dilibatkan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan</p>
2.	Para 1.5 & m/s 2	Encik Yap Kok Weng	Dewan Penamaan Calon dan Pusat Pengumpulan Undi	<p>Beliau menyampaikan hasrat YB Tuan Ng Sze Han berkenaan cadangan meletakkan Dewan Bandar Kinrara 5 menggantikan Dewan USJ 7 dalam senarai dewan penamaan calon dan pusat pengumpulan undi.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan perkara ini akan dibincangkan dalam mesyuarat berkaitan.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>
3.	Para 6.2.1 & m/s 6	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Laporan Program dan Peruntukan MPP Sehingga April 2023	<p>Beliau memohon penjelasan bagi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Status terkini peratusan penggunaan bajet Program Pangsapuri Angkat berjumlah RM 18,000.00 yang diperuntukkan kepada setiap MPP. ii) Status penggunaan peruntukan Program Imarah Ramadan mengikut zon. <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta pelaporan ini diberikan kepada semua</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				Ahli Majlis untuk makluman. Tindakan: Jabatan Pembangunan Masyarakat

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 8/2023 bertarikh 18 April 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 9/2023 bertarikh 11 Mei 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.7 & m/s 87	Encik Yap Kok Weng	Kertas Kerja Bil: 153/09/42/2023	Beliau memaklumkan bahawa, semasa mesyuarat telah

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			– Glomac Alliance Sdn. Bhd.	<p>memutuskan supaya pemaju disyaratkan untuk membina sekolah rendah dan sekolah menengah tetapi perkara ini tidak dicatatkan dalam minit mesyuarat. Beliau memohon syarat ini dimasukkan.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta supaya pindaan ini dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa akan datang.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 3/2023 bertarikh 15 Mei 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan dan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 4.2 & m/s 6	Encik Wong Yii Seang	Laporan Pusat Kawalan CCTV bagi bulan Mac dan April 2023	<p>Beliau memohon penjelasan berkenaan pemantauan CCTV samada dilaksanakan secara automatik atau manual. Beliau mencadangkan supaya pemantauan di kawasan parkir 2 jam boleh dilaksanakan menerusi cctv.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat memaklumkan pemantauan yang dilaporkan dilaksanakan secara manual dan mengikut kes. Pihak Jabatan Teknologi Maklumat dalam proses peletakan semula lokasi CCTV MBSJ di lokasi yang strategik termasuk di kawasan parkir 2 jam.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>
2.	Para 5.5 & m/s 14	Encik Yap Kok Weng	Kertas Cadangan Tawaran Pemilikan	Beliau memaklumkan keputusan mesyuarat adalah Lulus Bersyarat. Mesyuarat bersetuju menanggung bil TNB namun

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			<p>Peralatan Command Centre dan Tiang-tiang CCTV di PBT Secara Percuma</p>	<p>menolak kos penyelenggaraan yang dikenakan. Penyelenggaraan hanya dibayar mengikut kes kerosakan sahaja. Beliau memohon minit mesyuarat dipinda.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat bersetuju dan meminta urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat membuat pindaan terhadap minit mesyuarat tersebut.</p> <p>Tindakan : Jabatan Teknologi Maklumat</p>
3.	Para 6.1 & m/s 16	Encik Yap Kok Weng	Pemindahan tiang CCTV	<p>Beliau memaklumkan pemindahan tiang CCTV ke kawasan yang aktif adalah penting kerana dapat membantu Majlis melaksanakan pemantauan. Beliau</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>mencadangkan supaya laporan berkaitan siasatan tapak CCTV aktif serta tidak aktif dan lokasi cadangan pemindahan tiang CCTV ke lokasi baharu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa akan datang untuk dibincangkan dengan lebih lanjut.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan meminta Jabatan membentangkan laporan dalam Mesyuarat Jawatankuasa akan datang untuk dibincangkan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Teknologi Maklumat</p>

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 5/2023 bertarikh 16 Mei 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 5/2023 Bertarikh 16 Mei 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 5/2023 Bertarikh 17 Mei 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 9.2 & m/s 8	Encik Wong Yii Seang	Kertas Permohonan Pengesahan	Beliau memaklumkan bahawa, semasa Mesyuarat Pre Council, semua Ahli Majlis

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			Bertulis Berkenaan Pembatalan Surat Akujanji Pembinaan Jejambat Sehal di Jalan Besar, Seri Kembangan dan Jalan BS 3/1	MBSJ telah bersetuju supaya perkara ini dibincangkan semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa akan datang. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat meminta perkara ini dibawa semula untuk dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa akan datang. Tindakan: Jabatan Kejuruteraan

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 5/2023 Bertarikh 18 Mei 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 4.2 & m/s 6	Encik Yap Kok Weng	Tandas di tingkat bawah dan tingkat 1 MBSJ dijadikan contoh	<p>Beliau memohon penjelasan berkenaan perkara berikut :</p> <ul style="list-style-type: none">i) Kaedah pemilihan tandas dan mencadangkan penambahbaikan tandas melibatkan semua tandas di Bangunan MBSJ.ii) Mencadangkan diadakan pertandingan tandas BMW (Bersih, Menarik, Wangi) di kalangan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), balai masyarakat, stesen minyak dan masjid di kawasan pentadbiran MBSJ. <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa Majlis menyambut baik saranan Menteri Kementrian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) berkenaan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Tandas BMW (Bersih, Menawan, Wangi) dan setiap penambahbaikan terhadap tandas akan melibatkan peruntukan. Pihak KPKT akan memberikan peruntukan sebanyak RM100 ribu bagi Majlis memilih tandas untuk penambahbaikan. MBSJ akan merangka dan mencadangkan penambahbaikan tandas yang terlibat.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Bangunan</p> <p>Mesyuarat turut bersetuju dengan cadangan mengadakan Pertandingan Tandas BMW (Bersih, Menarik, Wangi) di kalangan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), balai masyarakat, stesen minyak dan masjid di kawasan pentadbiran MBSJ. Jabatan diminta</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				menyediakan kertas kerja dan membentangkan dalam mesyuarat untuk dibincangkan. Tindakan : Jabatan Kesihatan
2.	Para 6.4 & m/s 15	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Forum Pengurusan Anjing Terbiar Selangor 2023	Beliau memohon penjelasan lanjut berkenaan forum ini. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat memaklumkan bahawa cadangan tarikh forum ini adalah pada 12 Jun 2023, jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Makluman

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Ahmad Danish bin Hairudin, wakil daripada Parti PKR.

8.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi.

Tarikh Disediakan : 26 Mei 2023

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MALAYSIA MADANI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

(MOHD FAUZI BIN MOHD YATIM), S.M.S

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBrs. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, s.m.s. - Pengerusi
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S. - Setiausaha
Timbalan Datuk Bandar Mesyuarat
3. YBrs. Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N , P.J.K.
Timbalan Setiausaha

HADIR (AHLI MAJLIS)

1. Encik Yap Kok Weng - Ahli Majlis
2. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
3. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim - "
4. Encik Thomas Low Yew Sin
5. Encik Mohon Singh a/l Surtar Singh
6. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
7. Encik Chia Yew Ken - "
8. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
9. Puan Ng Seow Chen - "

10.	Encik Thong Kim Fatt	-	"
11.	Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	-	"
12.	Encik Wong Yii Seang	-	"
13.	Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin	-	"
14.	Puan Sarawati binti Mukhtar	-	"
15.	Encik Pravin a/l Murali	-	"
16.	Encik Tah Yap Keong	-	"
17.	Encik Ahmad Danish bin Hairudin	-	"
18.	Puan Tanujah a/p Debul Singh	-	"
19.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	-	"
20.	Encik Wan Shukri bin Wan Mustapha	-	"
21.	Encik Khairol Basri bin M.Arif	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ)

1. Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Tuan Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan

3. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
4. Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
6. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
7. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pengarah, Jabatan Pelesenan
8. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
10. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC
11. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
12. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
13. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
14. TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
15. Encik Mohd Aisamuddin bin Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat

16. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
17. Encik Muhammad Azizul bin Amer
Pegawai Undang-Undang, Jabatan COB
18. Encik Mohd Azrel bin Mohamad Islan
Penolong Juruaudit Kanan, Unit Audit Dalam

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | | | |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Encik Teh Eng Teck | - | Ahli Majlis |
| 2. | Puan Lee Jen Uyin | - | " |
| 3. | Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy | - | " |
| 4. | Tuan TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar | | |
| 5. | Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang | | |
| 6. | Puan Ts Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar | | |
| 7. | Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat | | |
| 8. | Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB | | |
| 9. | Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah Kanan, Unit Audit Dalam | | |

URUSETIA

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan